

Ibrahim Ali persoal TV3 siar gambar palsu beliau dengan Chew Mei Fun

Free Malaysia Today

17 March 2014

Oleh FMT Staff

PETALING JAYA: Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali mempersoal tujuan TV3 mengulangi berita gambar palsu beliau dengan calon BN, Datin Paduka Chew Mei Fun.

Katanya, semua nampaknya terperangkap dengan gambar palsu yang direka oleh DAP.

“Saya tidak pernah bergambar dengan calon MCA, Mei Fun . Jumpa pun tak pernah. Jangan cemar imej saya dengan gambar yang direka,” katanya dalam sms kepada FMT.

Katanya, beliau adalah individu yang bersih dan pejuang Melayu Islam tulen sama dengan pemimpin DAP dan MCA yang berjuang untuk kaum Cina atau Dong Zong atau Hindraf yang berjuang untuk kaum India.

“Saya tidak amal nepotisme, rasuah atau meliwat. Jika Mei Fun kata cemar imej, saya pun sama, jangan cemar imej saya. Saya tidak berminat mahu bergambar dengan Mei Fun,” katanya lagi.

Beliau yang juga bekas ahli parlimen Pasir mas berkata kempen PRK Kajang terang lagi bersuluh.

“Pelik tapi benar. Pemimpin pemimpin haprak PR menuduh pemimpin BN dengan pelbagai isu dan reka fitnah yang amat jijik dalam kempen PRK Kajang,” tegasnya.

Katanya, fitnah menjadi-jadi seolah olah mereka sudah hilang akal.

“Semua perkara dipersalahkan kepada BN dan mengguna cara menghalalkan matlamat. Mereka mencipta ayat ayat pelbagai sepanduk, gambar gambar rekaan yang tidak benar serta peranan cyber trooper RBA melancarkan fitnah dengan pelbagai gambar dan isu,” dakwanya.

Ibrahim berkata jelaslah puak ini yang amat jahat.

“Hinggakan reka gambar saya dengan Mei Fun. Tujuan supaya kaum Cina marah kepada Mei Fun sebab Perkasa NGO rasis,” ujarnya.

Katanya, inilah kejahatan fitnah tanpa moral dan sejijik najis dalam tandas.

“Apakah DAP dan NGO lain-lain kaum tidak rasis?” soal beliau.

Katanya, semua bersuara hal kaum masing masing termasuk parti parti politik.

Beliau menambah MCA tidak boleh defensif dan apologetik terperangkap dengan propaganda

DAP dan PR.

“Apakah kaum Cina lebih takut pada Perkasa daripada PAS? Perkasa hanya NGO. Logik akal kaum Cina patut takut atau marah kepada DAP yang sekongkol dengan PAS,” katanya.

Beliau berkata MCA patutnya menyerang DAP dengan lebih agresif kerana berkhawatir dengan PAS.

Dakwanya lagi, Melayu pun patut marah kepada PAS yang jual Islam kepada DAP.

“PAS jawab perjuangan Islamnya tegas termasuk hak Melayu. Jadi apa pendirian DAP? DAP sudah terima Islam dan hak Melayu ke?” soalnya lagi.

Ibrahim menambah ini isunya MCA patut jelas kepada kaum Cina secara agresif dan bukannya menjadikan Perkasa sebagai scapegoat atau punching bag dan terperangkap dengan wayang DAP.

Beliau mendakwa DAP serang Perkasa untuk tutup pakatannya dengan PAS .

“Kita berhadapan dengan politik nepotisme keluarga Anwar, Lim Kit Siang, Karpal Singh dan Nik Aziz. Semua pemimpin pembangkang adalah kebal undang undang , jika didakwa di mahkamah dan mahkamah dapati mereka bersalah, ini konspirasi BN dan Umno,” katanya.

Ibrahim berkata mereka ini betul-betul sial tapi rakyat ada yang terjerat dan percayakan mereka.

“ Sebenarnya inilah pemimpin kumpulan haprak yang rakyat patut jatuhkan,” tegasnya.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/17/ibrahim-ali-persoal-tv3-siar-gambar-palsu-beliau-dengan-chew-mei-fun/>